



30 Ogos 2016
30 August 2016
P.U. (A) 231

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN (WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2016

LICENSING OF TRADES, BUSINESSES AND INDUSTRIES (FEDERAL TERRITORY OF LABUAN) BY-LAWS 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN
(WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2016

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-
undang
kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PELESENAN

3. Lesen diperlukan bagi aktiviti perniagaan
4. Permohonan untuk mendapatkan lesen
5. Ketidaklayakan
6. Bentuk lesen
7. Fi lesen
8. Deposit
9. Lesen gantian
10. Pindah milik lesen
11. Pembaharuan lesen
12. Pembatalan lesen

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN KHAS UNTUK STOR KAYU

13. Larangan pembakaran habuk kayu dan buangan kayu

BAHAGIAN IV
PERUNTUKAN KHAS UNTUK KEDAI DOBI

Undang-
undang
kecil

- 14. Takrif
- 15. Penentuan dinding dan lantai
- 16. Kehendak khas bagi kedai dobi
- 17. Larangan meminjamkan pakaian

BAHAGIAN V
PERUNTUKAN KHAS UNTUK PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN

- 18. Takrif
- 19. Larangan penyekatan keseluruhan pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan

BAHAGIAN VI
PERUNTUKAN AM

- 20. Larangan
- 21. Pemeriksaan perubatan
- 22. Daftar pekerja
- 23. Kehendak kebersihan dan penyenggaraan premis perniagaan
- 24. Pelupusan sampah
- 25. Pembuangan cecair kotor atau sampah
- 26. Pengudaraan dan pencahayaan
- 27. Ruang yang sesak dilarang
- 28. Peralatan mencegah kebakaran, tangga, jalan keluar dan pintu
- 29. Bahan mudah terbakar
- 30. Penyimpanan

Undang-
undang
kecil

- 31. Pembakaran
- 32. Efluen
- 33. Penyebaran habuk, dsb.
- 34. Kacau ganggu
- 35. Waktu menjalankan aktiviti perniagaan
- 36. Kuasa untuk memasuki premis bagi tujuan pemeriksaan
- 37. Pengecualian
- 38. Penalti
- 39. Pembatalan dan peruntukan peralihan

Jadual

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN
(WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 102(s) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] (sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Kerajaan Tempatan 1976) 2010 [*P.U. (A) 439/2010*]), Perbadanan Labuan membuat, dan menurut seksyen 103 Akta, Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Wilayah Persekutuan Labuan) 2016**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2016.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aktiviti perniagaan” ertinya apa-apa aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;

“fi lesen” ertinya kadar bayaran yang ditetapkan bagi sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;